KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 28 SEPTEMBER 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Mykmu.net
TAJUK	Perkukuh sejarah, fahami asas negara – Ahmad Zahid
PAUTAN	https://tinyurl.com/up997d2a

Perkukuh Sejarah, Fahami Asas Negara – Ahmad Zahid

Perkukuh Sejarah, Fahami Asas Negara – Ahmad Zahid



MELAKA, 26 Sept – Timbalan Perdana Menteri yang juga Pengasas Musyawarah Nasional, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi mengemukakan tiga cadangan utama menerusi Musyawarah Nasional 3.0 sebagai usaha memperkukuh kefahaman sejarah, asas kenegaraan serta keharmonian negara.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 28 SEPTEMBER 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Astro Awani
TAJUK	132 Tabika KEMAS autisme bermula Januari
PAUTAN	https://tinyurl.com/b5snvnvz

MALAYSIA

132 Tabika KEMAS autisme bermula Januari

Bernama
27/09/2026 | 23:00 MYT



Ab Rauf (dua, kiri) meluangkan masa beramah mesra dengan orang ramai semasa hadir pada majlis perasmian Festival Masyarakat KEMAS Negeri Melaka, hari ini. - Gambar Bernama

MELAKA: Sebanyak 132 Taman Bimbingan Kanak-Kanak (Tabika) Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) untuk kanak-kanak autistik akan mula beroperasi pada Januari depan.

Ketua Pengarahnya Datuk Mohd Hanafiah Man berkata saringan untuk pengambilan kanak-kanak istimewa itu akan dibuka bermula bulan depan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 28 SEPTEMBER 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Newswav
TAJUK	132 KEMAS preschools for children with autism to begin operation in January
PAUTAN	https://tinyurl.com/5e6kesep

132 KEMAS preschools for children with autism to begin operation in January

Local | Family & Parenting | 27 Sep 2026 • 7:49 PM MYT

The Sun Daily
For the latest news and features from Malaysia and the rest of the world.



A total of 132 KEMAS preschools for children with autism will open across Malaysia in January, benefiting nearly 2,000 special-needs students.

MELAKA: A total of 132 Community Development Department (KEMAS) preschools (Tabika) for children with autism will begin operations next January.

Its director-general, Datuk Mohd Hanafiah Man, said the screening process for the admission of these special-needs children will open next month in collaboration with the Ministry of Health.

"God willing, I believe this will benefit at least nearly 2,000 children with autism as the number of applications (from parents) is quite high.

"However, for the time being, we can only accommodate a maximum of 15 children per class specifically between 10 and 15 because each class will have three teachers... with one teacher supervising five to seven children, in accordance with established standards," he said.

He said this when met by reporters after the opening of the Melaka State KEMAS Community Festival 2026 at Semabok Dalam Multipurpose Hall here today.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 28 SEPTEMBER 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Malaysia Gazette
TAJUK	2,000 anak autisme mulakan pembelajaran di 132 Tabika KEMAS Januari 2027
PAUTAN	https://tinyurl.com/2tckcybd

2,000 anak autisme mulakan pembelajaran di 132 tabika KEMAS Januari 2027

Oleh **Yusri Sahat** - 27 September 2026



Datuk Mohd Hanafiah Man ditemui pemberita selepas Festival Masyarakat Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) peringkat negeri di Semabok, Melakai hari ini.

MELAKA – Kira-kira 2,000 kanak-kanak autisme bakal menerima manfaat apabila Tabika Tunas Istimewa@KEMAS mula beroperasi di 132 daerah di seluruh negara bermula Januari tahun depan.

Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Datuk Mohd Hanafiah Man berkata, persiapan sedang giat dijalankan bagi proses pengambilan dan saringan kanak-kanak terbabit pada Oktober ini.

Kata beliau, persiapan itu juga merangkumi pengambilan hampir 400 guru yang bakal ditempatkan di semua tabika terbabit.

"Saringan itu bukan sekadar pendaftaran. Ia perlu melalui saringan bersama dengan Jabatan Kesihatan untuk memastikan level autism kanak-kanak itu.

"Keduanya, kita juga akan memastikan anak-anak ini telah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat kerana sebagai anak-anak istimewa, kalau kita tengok di Kementerian Pendidikan, di kelas-kelas khas ini, anak-anak ini mendapat elaun sebagai anak-anak istimewa," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Program Festival Masyarakat KEMAS Negeri Melaka yang disempurnakan Ketua Menteri, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh di Semabok, Melaka.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Program Festival Masyarakat KEMAS peringkat negeri di Semabok, Melaka hari ini

Program itu dirasmikan Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh mewakili Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi.





Artikel Popular



Utama

Pembatalan pelantikan 10 Exco Negeri Sembilan sah – Peguam Negara

26 September 2026

Berdasarkan warta Perkara 38(5) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan 1959, seseorang Exco selain daripada Menteri Besar memegang jawatannya selama diperkenan oleh Tuanku Muhriz.



Kerugian UiTM Holdings bukan bawah kepimpinan semasa, jangan politikkan – Fathul...

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 28 SEPTEMBER 2026 (ISNIN)	
MEDIA	TVS
TAJUK	Program GEMA KEMAS Sri Aman perkasa komuniti luar bandar
PAUTAN	https://tinyurl.com/y62sdknn



Ahli Parlimen Sri Aman, Dato' Sri Doris Sophia Brodie ketika merasmikan Majlis Penangguhan Program GEMA KEMAS Sri Aman di Rumah Chuan Ak Alam, Sungai Rian, Kampung Jaong. Foto Doris Sophia Brodie (FB)

Program GEMA KEMAS Sri Aman perkasa komuniti luar bandar

By TVS **#bm, Berita Sarawak September 27, 2026 9:15 AM**

SRI AMAN, 27 Sept: Program GEMA KEMAS Sri Aman dilihat sebagai antara inisiatif penting dalam membantu memperkasa komuniti luar bandar menerusi pendidikan, pembangunan sahsiah, peningkatan kemahiran dan kesejahteraan masyarakat.

Perkara itu dinyatakan Ahli Parlimen Sri Aman, Dato' Sri Doris Sophia Brodie ketika merasmikan Majlis Penangguhan Program GEMA KEMAS Sri Aman di Rumah Chuan Ak Alam, Sungai Rian, Kampung Jaong di sini, semalam.

Beliau berkata, program seperti itu turut membantu membina keyakinan diri, memperkasa keluarga serta menyediakan masyarakat untuk menghadapi perubahan semasa.

"Kita merakamkan penghargaan kepada KEMAS Sri Aman atas komitmen dan usaha berterusan dalam menjayakan pelbagai program KEMAS di kawasan berkenaan.

"Pelbagai pembangunan di Sarawak dalam sektor tenaga, logistik, penerbangan, teknologi, kesihatan dan tenaga alternatif terus dilaksanakan," katanya.

Katanya, pelaksanaan projek berkenaan bukan sahaja meningkatkan kemudahan dan merancakkan ekonomi, malah berpotensi membuka ribuan peluang pekerjaan kepada rakyat khususnya generasi muda.

Beliau berkata, kemajuan Sarawak memerlukan komitmen, perancangan rapi, kesinambungan dasar serta kepimpinan Kerajaan GPS Sarawak, selain sokongan dan penglibatan aktif masyarakat. – TVS

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 28 SEPTEMBER 2026 (ISNIN)	
MEDIA	UKAS
TAJUK	Hari Kemahiran KEMAS perkasa keupayaan masyarakat, buka peluang jana pendapatan
PAUTAN	https://tinyurl.com/5fbfvf65

Hari Kemahiran KEMAS Perkasa Keupayaan Masyarakat, Buka Peluang Jana Pendapatan



27 September 2026
91

Kongsi ke:

Tag:
Hari Kemahiran KEMAS

Terkini


Sarawak Agrofest 2026 Perkukuh Ekosistem Agro...
Edisi Utama
11 minit yang lalu


Integriti Sukan Perlu Utamakan Pencegahan, Pengurusan Risiko
Sukan SEA
18 minit yang lalu


Pemergian Tun Dr Siti Hasmah Kehilangan Besar Kepada Raky...
Edisi Selatan
32 minit yang lalu


Sukan SEA 2027 Perlu Berteraskan Tadbir Urus,...
Sukan SEA
38 minit yang lalu


Sarawak Masih Perlukan 1,000

KUCHING: Program Hari Kemahiran KEMAS Negeri Sarawak 2026 memperkukuh keupayaan masyarakat menerusi latihan kemahiran praktikal, di samping membuka ruang kepada peserta mengembangkan bakat dan meneroka peluang menjana pendapatan.

Program anjuran Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Negeri Sarawak itu menghimpunkan kira-kira 250 peserta, termasuk peserta kelas kemahiran, guru atau pendidik, pegawai dan kakitangan KEMAS serta jemputan.

Timbalan Menteri di Jabatan Premier Sarawak (Undang-Undang, MA63 dan Hubungan Negeri-Persekutuan) merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Samariang, Datuk Sharifah Hasidah Sayeed Aman Ghazali, merasmikan program berkenaan di Dewan KASBA, Kampung Samariang Batu, pada Sabtu.

Program tersebut memberi tumpuan kepada penyertaan masyarakat, khususnya golongan dewasa termasuk mereka yang tercicir daripada pendidikan formal, dalam kelas kemahiran yang boleh dimanfaatkan untuk keperluan kehidupan seharian serta dikembangkan sebagai sumber pendapatan.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 28 SEPTEMBER 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Utusan Borneo
TAJUK	Program Gerakan Massa KKDW bangunkan komuniti luar bandar
PAUTAN	https://tinyurl.com/bdueyxza

Program Gerakan Massa KKDW bangunkan komuniti luar bandar

LIMBANG: Program Gerakan Massa Masyarakat Desa (GEMA@KKDW) penggerak utama dalam membangunkan komuniti luar bandar dengan lebih tersusun, inklusif dan berimpak tinggi.

Timbalan Menteri Pengangkutan Datuk Hasbi Habibollah berkata, ia merupakan satu manifestasi dan usaha progresif Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) untuk menyuntik anjakan paradigma dalam kalangan masyarakat luar bandar.

"'Gerakan Massa' itu sendiri membawa mesej yang sangat mendalam, menuntut penglibatan menyeluruh, kesedaran kolektif dan tindakan bersepadu daripada seluruh lapisan masyarakat desa.

"Kita mahu melahirkan modal insan luar bandar yang bukan sahaja berdaya saing, malah mempunyai daya tahan yang tinggi dalam mendepani cabaran sosioekonomi semasa terutamanya dalam era pascapandemik dan transformasi digital tahun 2026 ini," ujarnya ketika merasmikan Program Gerakan Massa Masyarakat Desa (GEMA@KKDW) Tahun 2026 Peringkat Parlimen Limbang semalam.



EJEN PERUBAHAN: (Dari dua kiri) Khairul, Hasbi serta yang lain pada PROGRAM Gerakan Massa Masyarakat Desa (GEMA@KKDW) di Limbang, semalam.

Turut hadir ialah Pegawai KEMAS Bahagian Limbang Khairul Amree Abdul Rahman.

Hasbi yang juga Ahli Parlimen Limbang berkata, peranan KEMAS sebagai ejen perubahan dan jambatan penghubung antara kerajaan dengan rakyat amat kritikal.

"Sejak sekian lama, KEMAS telah membuktikan keupayaannya dalam memangkin pembangunan komuniti melalui pendidikan awal kanak-kanak, kelas kemahiran dan program pembangunan desa.

"MelaluiGEMA@KKDW, kita mahu memperluaskan lagi rantaian nilai ini. Kita mahu masyarakat di Parlimen Limbang khususnya masyarakat luar bandar merebut setiap peluang yang disediakan sama ada dalam bidang keusahawanan desa, peningkatan kemahiran digital mahupun pemantapan institusi keluarga.

"Jangan kita menjadi penonton kepada arus pembangunan, sebaliknya jadilah penggerak utama yang mencorakkan kemajuan kawasan kita sendiri," katanya lagi.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 28 SEPTEMBER 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Berita Harian
TAJUK	Jangan swastakan pendidikan, didik anak kepada guru dan sekolah'
PAUTAN	https://tinyurl.com/wnhb4vsx

'Jangan swastakan didik anak kepada guru dan sekolah'


Asyraf Wajdi Dusuki

Kuala Lumpur: Ibu bapa tidak seharusnya 'menswastakan' sepenuhnya tanggungjawab mendidik anak-anak kepada guru dan sekolah, sebaliknya perlu memainkan peranan utama dalam pembentukan peribadi serta karakter mereka.

Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (MARA), Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki, berkata rumah adalah madrasah pertama dalam pembentukan peribadi anak dan apa yang mereka lihat serta rasai di rumah banyak mempengaruhi karakter mereka.

Beliau berkata, ibu bapa juga tidak seharusnya menjadikan gajet sebagai pengganti kasih sayang, perhatian dan komunikasi bersama anak-anak.

"Ibu bapa jangan sesekali bermentaliti 'menswastakan' tanggungjawab mendidik anak-anak sepenuhnya kepada guru dan sekolah.

"Jangan pula gajet dijadikan pengganti kasih sayang, perhatian dan komunikasi.

"Rumah tetap madrasah pertama pembentukan peribadi anak-anak. Akhirnya karakter mereka banyak mencerminkan didikan, teladan serta suasana yang mereka lihat dan rasai daripada kita," katanya melalui hantaran di Facebook.

Asyraf Wajdi berkata, aspek agama juga perlu kekal menjadi asas penting dalam pembentukan jati diri anak-anak.

"Paling utama agama tetap menjadi akar penting pembentukan jati diri anak-anak," katanya.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 28 SEPTEMBER 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Sinar Harian
TAJUK	132 Tabika KEMAS autisme dibuka Januari
PAUTAN	https://tinyurl.com/4s5zf2fh

132 Tabika Kemas autisme dibuka Januari

MELAKA - Sebanyak 132 Taman Bimbingan Kanak-Kanak (Tabika) Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) untuk kanak-kanak autistik mula beroperasi Januari depan.

Ketua Pengarah Kemas, Datuk Mohd Hanafiah Man berkata, saringan bagi pengambilan kanak-kanak istimewa itu akan dibuka bermula bulan depan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan.

"Tabika ini akan dapat memberikan manfaat sekurang-kurangnya kepada hampir 2,000 kanak-kanak yang mengalami autisme dan kalau nak diikutkan, permohonan (daripada ibu bapa) agak tinggi.

"Bagaimanapun, buat masa ini kita cuma dapat menampung satu kelas tidak lebih daripada 15 orang, 10 hingga 15 sahaja kerana satu kelas akan ada tiga guru. Seorang guru akan jaga antara lima hingga tujuh anak yang terlibat kerana itu adalah standard yang ditetapkan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri majlis perasmian Festival Masyarakat Kemas Negeri Melaka 2026 di Dewan Serbaguna Semabok Dalam di sini pada Ahad.

Festival itu dirasmikan Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh.

Katanya, antara syarat bagi mengikuti kelas itu ialah kanak-kanak terlibat mempunyai kad orang kurang upaya (OKU) dikeluarkan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi memastikan selari dengan dasar ditetapkan Kementerian Pendidikan (KPM). - *Bernama*

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 28 SEPTEMBER 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Utusan Malaysia
TAJUK	KEMAS buka 132 tabika autisme
PAUTAN	https://tinyurl.com/2mrhtjyc

Operasi bermula awal tahun depan, 2,000 kanak-kanak bakal terima manfaat

Kemas buka 132 tabika autisme

Oleh AMRAN MULUP
utusannews@mediamulia.com.my

MELAKA: Hampir 2,000 kanak-kanak spektrum austisme ringan akan menerima manfaat peluang pendidikan awal apabila sebanyak 132 buah tabika autisme memulakan operasi dan dibuka mulai bulan Januari tahun depan.

Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas), Datuk Mohd. Hanafiah Man, berkata, peluasan program berkenaan turut menyaksikan Melaka yang menjadi perintis sebelum ini akan menerima tambahan dua buah tabika autisme bagi melengkapkan kemudahan di semua daerah di negeri ini.

Menurut beliau, program berkenaan pada asalnya dimulakan sebagai projek rintis di Melaka dengan tiga tabika dibuka sebelum diperluaskan ke seluruh negara secara berperingkat.

"Program tabika untuk anak-anak dalam spektrum *mild autism* yang bermula dengan tiga di Melaka sebagai rintis sudah dikembangkan ke seluruh negara mulai tahun depan.

"Insya-Allah bermula Januari ini, sebanyak 132 daerah lagi akan mendapat sebuah tabika autisme di setiap daerah. Ini bermakna di Melaka akan ada tambahan dua lagi untuk dua daerah yang belum mempunyainya," katanya.

Beliau berkata demikian semasa sidang akhbar selepas Majlis Perasmian Festival Masyarakat Kemas Negeri Melaka 2026 di Dewan Terbuka Sembabok Dalam di sini semalam.

Majlis disempurnakan Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Utama Ab. Rauf Yusoh.

Mohd. Hanafiah berkata, pelbagai persiapan telah dilakukan bagi memastikan peluasan program berkenaan dapat dimulakan mengikut jadual apabila sesi persekolahan baharu bermula Januari 2027.

Katanya, antara persiapan yang dilaksanakan termasuk latihan guru, kerja-kerja baik pulih kelas serta perolehan peralatan khusus bagi kegunaan murid dalam spektrum autisme.

"Untuk tujuan persiapan itu, latihan guru telah pun dijalankan, baik pulih kelas juga telah dilaksanakan selain perolehan peralatan untuk kelas autisme.

"Insya-Allah, ia akan dapat memberikan manfaat sekurang-kurangnya kepada hampir 2,000 anak-anak autisme," katanya.

Menurut beliau, sambutan terhadap program itu amat menggalakkan dengan jumlah permohonan yang diterima adalah tinggi.

Namun katanya, kapasiti setiap kelas perlu dihadkan bagi memastikan pengajaran dan perhatian terhadap setiap murid dapat diberikan secara optimum.

Katanya, setiap kelas hanya boleh menempatkan antara 10 hingga 15 murid, mengikut standard yang ditetapkan dengan tiga guru ditempatkan bagi setiap kelas.

"Satu guru akan menjaga antara lima hingga tujuh anak yang terlibat kerana itu adalah standard yang ditetapkan," katanya.